

# PM nasihat disiplinkan diri ketika memandu

Ramai perantau mula pulang selepas tamat bercuti sempena Aidilfitri

**Bera:** Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, menasihatkan pengguna jalan raya supaya berhati-hati dan mendapatkan rehat secukupnya sebelum memulakan perjalanan pulang selepas tamat bercuti sempena sambutan Aidilfitri.

Beliau berkata, ramai perantau sudah memulakan perjalanan kerana perlu kembali ke tempat kerja esok, menyebabkan banyak lebu raya utama mengalami kesesakan yang dilaporkan sudah bermula sejak kelmarin.

“Saya harap semua memandu dengan berhati-hati dan tidak memaksa diri. Jika penat atau mengantuk, saya harap boleh berhenti dulu untuk berehat sebelum kembali meneruskan perjalanan untuk keselamatan diri dan keluarga.

“Jangan paksa diri untuk cepat sampai dan bagi saya kita perlu mendisiplinkan diri ketika me-

mandu,” katanya kepada pemberita di Rumah Terbuka Aidilfitri Parlimen Bera 2022 di Laman Kerayong, di sini semalam.

Ismail Sabri yang juga Ahli Parlimen Bera berkata, beliau percaya pihak berwajib seperti Kementerian Pengangkutan, Kementerian Kerja Raya dan Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) serta pengendali lebu raya mempunyai perancangan jangka panjang untuk mengatasi kesesakan yang berlaku setiap kali musim perayaan.

Lebu raya utama mulai sesak sejak beberapa hari sebelum raya kerana orang ramai mengambil peluang pulang menyambut hari raya selepas dua tahun tidak berbuat demikian berikutan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bagi membendung penularan wabak COVID-19.

Cuti panjang yang bermula sejak hujung minggu lalu sebelum disusuli pelepasan umum disebarkan Hari Pekerja pada Ahad lalu, diikuti pelepasan Aidilfitri menyebabkan ramai mengambil cuti untuk berada lebih lama di kampung.

Dalam pada itu, Perdana Menteri berterima kasih kepada puluhan ribu Keluarga Malaysia yang meluangkan masa menghadiri Rumah Terbuka Aidilfitri Parlimen Bera 2022.



Ismail Sabri beramah mesra bersama tetamu terdiri daripada pelbagai kaum yang hadir pada Majlis Rumah Terbuka Aidilfitri Parlimen Bera 2022 di Dataran Kerayong, semalam. (Foto Fanzui Hafiz Awang/BH)

Beliau yang berpakaian baju Melayu hijau tiba di majlis itu pada jam 9.35 pagi dan meluangkan masa bertemu serta bertanya khabar dengan pengunjung terdiri daripada pelbagai lapisan masyarakat dari Bera dan daerah berhampiran.

Pelbagai juadah sinonim dengan sambutan hari raya khususnya makanan Pantai Timur seperti lemang, ketupat palas, rendang, nasi dagang dan laksa lemak disajikan kepada pengunjung menerusi 32 gerai, selain turut dilengkapi dengan pencuci mulut seperti cendol, aiskrim dan apam balik.

“Istimewanya majlis rumah terbuka di Bera ialah tradisi muafakat dan gotong-royong menyediakan juadah. Setiap kampung dalam Parlimen Bera terbabit dan akan menyajikan makanan mereka di gerai disediakan,” katanya.

Dalam keseronokan berhari raya, Ismail Sabri juga mengingatkan pengunjung rumah terbuka untuk terus mengamalkan kawalan sendiri khususnya memakai

pelitup muka ketika berada di kawasan sesak atau ketika mengambil makanan.

Penganjuran rumah terbuka yang berlangsung selama lima jam bermula jam 9 pagi itu, turut menyaksikan pengunjung dihiburkan dengan lagu raya.

Semangat untuk menyediakan juadah raya selepas dua tahun tiada rumah terbuka dibenarkan menyebabkan penduduk Kampung Dato’ Sri Hamzah di sini bersengkang mata menyiapkan rendang daging yang ‘dipertanggungjawabkan’ kepada mereka.

Siti Faridah Jamaluddin, 50, berkata mereka mula menyediakan kelengkapan memasak sejak jam 4 petang kelmarin, namun kerja memasak rendang hanya dimulakan malam kelmarin sebelum rendang yang menjadi sajian istimewa kampung setiap kali penganjuran rumah terbuka itu dapat disiapkan pada jam 4 pagi semalam.

“Walaupun kerjanya lama, tapi kami berbesar hati apabila orang datang mengambil rendang... hilang rasa penat. Kami mahu

menghidangkan rendang baharu kepada tetamu kerana adat menjamu orang, sudah tentu kita mahu yang terbaik,” katanya.

Bagi ‘pemilik’ gerai bihun sup, Rahimah Mohd Salleh, 55, dari Kampung Batu Bor, proses memasak juadah itu seperti kenduri kerana dilakukan oleh golongan ibu di surau sejak malam kelmarin, manakala sebilangan mereka ‘ditugaskan’ untuk menyajikan hidangan semalam.

Bagi peniaga cendol, Kusmawati Wan Shah, 35, dari Kampung Paya Tateh, pula menyifatkan peluang menyediakan pencuci mulut itu sebagai rezeki untuk dia berkongsi resepi keluarga yang menjadi pendapatannya sebagai peniaga pasar malam sejak sembilan tahun lepas.

Kusmawati berkata, anaknya juga bersemangat dan bangun awal pagi bagi mengikut dia menghidangkan juadah itu kepada tetamu dan melahirkan rasa gembira apabila melihat ‘gerai’ mereka yang terletak berhampiran pentas utama diserbu orang ramai. BERNAMA